




SIARAN MEDIA

SKIM TRAFIK LALUAN MASUK KE PARLIMEN MALAYSIA

Parlimen Malaysia akan melaksanakan satu Skim Trafik sempena Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Majlis Parlimen Keempat Belas. Skim trafik ini akan bermula pada 03 Oktober hingga 07 Disember 2022. Pelaksanaan skim trafik ini bagi mengurangkan kesesakan lalulintas di Jalan Parlimen sepanjang Mesyuarat Ketiga berlangsung. Skim trafik yang akan dilaksanakan adalah seperti gambar rajah di bawah.

PARLIMEN MALAYSIA
30 SEPTEMBER 2022

Bahagian Keselamatan, Parlimen Malaysia dengan kerjasama pihak Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur akan melaksanakan skim trafik laluan masuk ke Parlimen yang baharu seperti berikut:



Laluan Kontra

Kenderaan warga Parlimen (yang mempunyai pelekat kenderaan Parlimen) dan Ahli Parlimen (mempunyai crest) dari arah Lebuhraya Sultan Iskandar (Jalan Mahameru) sama ada dari arah Bangsar, Muzium Diraja, Muzium Negara, Sentul, Bulatan Pahang, Jalan Tun Razak dan Wisma Peladang hendaklah memasuki Kompleks Parlimen melalui Jalan kontra iaitu di lorong paling kiri laluan keluar Kompleks Parlimen Malaysia.

Laluan Fastlane

Kenderaan warga Parlimen, Ahli Parlimen dan pemegang pas sementara dari arah bulatan Dato Onn, Bukit Aman dan Jalan Cenderasari boleh memasuki Parlimen dengan memasuki lorong paling kiri laluan masuk ke Kompleks Parlimen Malaysia.



BAHAGIAN KESELAMATAN PARLIMEN MALAYSIA



Dari arah Jalan Kuching, Gombak, Selayang, Taman Wahyu, Segambut, Sri Hartamas dan Penchala Link boleh memasuki Kompleks Parlimen melalui Jalan Tuanku Abdul Halim (Jalan Duta) dan memasuki Jalan Ledang (Duta Vista)

PETUNJUK:
→ LALUAN MASUK ALTERNATIF
WARGA DAN AHLI PARLIMEN
MELALUI PINTU 3

Laluan Alternatif

Kenderaan warga Parlimen dan Ahli Parlimen dari arah Jalan Kuching, Gombak, Selayang, Taman Wahyu, Segambut, Sri Hartamas dan Penchala link boleh memasuki Kompleks Parlimen melalui Jalan Tuanku Abdul Halim (Jalan Duta) dan memasuki Jalan Ledang (Duta Vista) dan seterusnya masuk di Pintu Pagar 3.